

## DOSA BESAR – SIHIR

Tukang sihir itu adalah kafir.

Allah berfirman, mafhumnya: "Akan tetapi syaitan-syaitan itulah yang kafir, mereka mengajarkan sihir kepada manusia". (Surah Al-Baqarah, Ayat 102)

Syaitan mengajar sihir kepada manusia dengan cita-cita supaya manusia menjadi musyrik (kafir).

Berkenaan dengan Harut dan Marut Allah berfirman, "Dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat: Harut dan Marut, di negeri Babil (Babylon), sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata: "Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya)". Dalam pada itu ada juga orang-orang mempelajari dari mereka berdua: ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya, padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah. Dan sebenarnya mereka mempelajari perkara yang hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka. Dan demi sesungguhnya mereka (kaum Yahudi itu) telahpun mengetahui bahawa sesiapa yang memilih ilmu sihir itu tidaklah lagi mendapat bahagian yang baik di akhirat". (Surah Al-Baqarah, Ayat 102)

Anda dapat saksikan betapa ramai orang yang tersesat, memasuki wilayah sihir dan menyangka bahawa hukum sihir itu haram saja. Mereka tidak menyangka bahawa hukum sebenarnya adalah kufur. Ada yang mengikat seseorang (memakai guna-guna), dari isterinya dan yang sejenisnya dengan kalimat-kalimat tak bermakna yang kebanyakannya syirik dan sesat.

Hukuman bagi tukang sihir adalah dibunuh kerana sihir itu adalah kufur atau mendekati kufur kepada Allah. Nabi s.a.w bersabda, "Jauhilah tujuh perkara yang membinasakan!", lalu Baginda s.a.w menyebut diantaranya adalah sihir. [1] Maka seorang hamba hendaklah bertaqwa kepada Allah dan tidak memasuki wilayah yang menyebabkan kerugian di dunia dan akhirat ini. Hukuman bagi tukang sihir, dikatakan dari Nabi, adalah dipancung dengan pedang [2] tetapi yang tepatnya, ianya adalah kenyataan dari Sahabat bernama Jundub.

Bajalah Bin Abdah berkata, "Telah sampai kepada kami surat dari Umar setahun sebelum kewafatannya yang isinya berbunyi, "Hendaklah kamu membunuh semua tukang sihir; laki-laki dan perempuan!". [3]

Wahb Bin Munabbih berkata, "Antara buku-buku yang saya baca ada yang menyebut bahawa Allah berfirman, "Tidak ada ilah yang berhak disembah kecuali Aku. Bukanlah termasuk wali-Ku orang yang menyihir dan minta disihirkan. Juga orang yang mengamalkan dukun dan yang minta pertolongan darinya. Juga orang yang "bertathayyur" (meramal nasib dengan burung) dan yang meminta diramalkan". [4]

Ali bin Abi Thalib meriwayatkan Rasulullah bersabda,

"Tiga orang tidak masuk syurga: peminum arak tegar, orang yang memutuskan tali silaturrahim, dan pembena sihir". [5]

Secara marfu' Abdullah bin Mas'ud meriwayatkan.

"Sesungguhnya Ruqa, Tamaim, dan Tiwalah itu termasuk syirik". [6]

"Tamaim/tamimah" adalah sesuatu yang dikalungkan oleh orang-orang jahil pada leher mereka, leher anak-anak mereka, dan binatang peliharaan mereka. Mereka menyangka benda itu dapat menangkal 'ain. Ini termasuk amalan jahiliyah. Sesiapa yang menyakininya adalah syirik.

"Tiwalah" adalah salah satu jenis sihir, iaitu dengan mengamalkan guna-guna agar perempuan mencintai suaminya. Hal ini dikategorikan sebagai sihir kerana orang-orang yang jahil akan menyangka bahawa guna-guna itu dapat memberikan pengaruh dan menyangkal takdir Allah.

Khaththabiy berkata, "Apabila ruqyah dilakukan dengan al-Quran atau dengan asmaul husna, hukumnya mubah. Sebab Nabi pernah meruqyah Hasan dan Husain. Baginda bersabda,

"Kamu berdua aku mintakan perlindungan dengan kalimat-kalimat Allah yang sempurna dari setiap syatan, hamah, dan 'ain lamah". [7]

Hanya kepada Allahlah kita memohon pertolongan, dan kepadanya sahajalah kita berserah diri.

---

#### NOTA KAKI

1. *Isnadnya Sahih. Diriwayatkan oleh Abdurrazaq (19702), Ibnu Jarir (9209) dan al-Baihaqi dalam Asy-Syuab (Syu'ab al-Iman),(290). Semua perawinta terpercaya (tsiqah).*

2. *Hadith dhaif diriwayatkan oleh At-Tirmizi (485), Ad-Daruquthni(3/114). Al-Hakim(4/460), Ath-Thabrani (Al-Kabir.1665,1666), Ibnu Ady (1/285), dan Al-Baihaqi (8/136), Syaikh Al-Albani mendhaifkannya dalam Adh-Dha'ifah (14446), namun Syaikh memandang riwayat tersebut sahih bila dikatakan sebagai hadith mauquf. Terdapat huraian yang cukup cantik dari Syaikh dalam kitab tersebut. Sila rujuk kitab tersebut.*

3. *Diriwayatkan oleh Al-Bukhari, Abu Daud (3043), dan Ahmad (1/190)*

4. *Diriwayatkan oleh Abdurrazaq (20350) dengan redaksi yang serupa dari Ka'ab secara mauquf. Dan diriwayatkan oleh Ath-Thabrani dalam Al-Ausath (4262) dan Al-Bazzar: dari Ibnu Abbas berkata Al-Haitsami (5/117) bahawa di dalamnya ada Zami'ah bin Shalih, dia lemah. Dan diriwayatkan oleh Al-Bazar dari Imaran dengan tambahan, "Man aqada uqdatan... ". Berkata Al-Haitsami (5/117) bahawa para perawinya adalah perawi Ash-Shahih, kecuali Ishaq bin Ar-Rabi', dia terpercaya, Syaikh Al-Albani menyebutkan dalam Shahih Al-jami (5435) dari Imran dengan lafaz, "laisa minna man Tathayyara wa la tuthuyyira lahu," ...lihat Ash-Shahihah (2195)*

5. *Diriwayatkan oleh Ahmad (4/399), Ibnu Hibban (5346), dan Al-Hakim (4/146) dengan mensahihkannya. Dan penilaian ini disepakati oleh Az-Zahabi Namun penilaian atas hadith ini tidak seperti perkataan keduanya, bahkan isnadnya dha'if. Periwiyatan hadith ini bukan dari Ali tetapi dari Abu Musa. Hadith ini mempunyai penguat dari hadith Abi Sa'id dengan redaksi serupa, yang diriwayatkan oleh Ahmad (3/14,18), di dalamnya ada kelemahan, mudah-mudahan riwayat ini menguatkan hadith sebelumnya. Wallahu a'lam.*

6. *Hadith sahih diriwayatkan oleh Ahmad (1/331), Abu Daud (3883), Ibnu Majah (3530), Ibnu Hibban (6090), Al-Hakim (4/309) dan Al-Baihaqi (9/350); dari Ibnu Mas'ud, Syaikh Al-Albani mensahihkannya dalam Ash-Shahihah (331) dan Shahih Al-Jami (1632)*

7. *Hadith sahih diriwayatkan oleh Al-Bukhari (3371), Abu Daud (4737), At-Tirmizi (2060), An-Nasa'ie dalam Amal Al-Yaumi (10017) dan Ibnu Majah (3525) dari Ibnu Abbas.*

· *Nota: Saringan oleh [Kumpulan Web Darulkautsar \( https://darulkautsar.wordpress.com/ \)](https://darulkautsar.wordpress.com/) dari buku terjemahan "Al-Kabair (Dosa-dosa Besar)" karangan Imam Az-Zahabi. Buku terjemahan asal boleh dicapai di sini- <https://drive.google.com/file/d/0B0r1wFGeMOw5eDdpZjM4a2YyRG8/edit>*